

21/08/2000

Melayu tidak banyak meminta-minta di bumi sendiri

Putera Kajang

BAYANGKAN skuad bola sepak Malaysia dipaksa menentang Brazil dalam perlawanan kelayakan Piala Dunia. Pada dasarnya tiada apa yang pelik. Kedua-dua pasukan menurunkan 11 pemain dan masing-masing mempunyai sepasang kaki. Umur pun sebaya dan susuk tubuh tidak banyak perbezaan.

Tiada sebarang kelebihan diberikan kepada pemain Malaysia. Semua ikut peraturan yang ditetapkan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) dan bermain di atas padang yang sama.

Tidak kira siapa yang bermain asal saja dia mewakili Brazil bagaikan secara automatik pemain berkenaan memiliki sepasang kaki ajaib. Kerana itu, kalau mengikut fakta sejarah, pada hemat saya, sampai kiamat pun Malaysia tak akan berjaya menundukkan Brazil sekalipun bermain di Stadium Merdeka.

Seperti kata legenda yang masih hidup, Pele: "Bola sepak adalah permainan indah." Ia mungkin indah untuk Brazil atau dirinya sendiri tetapi bukanlah untuk Malaysia, tentunya.

Begitulah imbasan perbandingan yang saya kira amat tepat dengan situasi terkini di Malaysia apabila Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II), Datuk David Chua, mencadangkan supaya hak keistimewaan Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan (Artikel 153) dihapuskan dalam usaha memastikan orang Melayu berdaya saing dalam semua bidang mengikut merit.

Keadaan menjadi lebih kecoh apabila persatuan-persatuan Cina yang mengasaskan 17 tuntutan dalam apa yang dipanggil Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) mengulangi tuntutan sempena ulang tahun pertama rayuan mereka.

Tuntutan mereka ini secara kebetulan bertembung dengan lawatan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, yang satu ketika dulu turut mencetuskan teori meritokrasi sekiranya negara itu terpaksa kembali bergabung dengan Malaysia. Ia tidak lebih satu momokan Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang sedang berkempen menghadapi pilihan raya Singapura beberapa tahun lalu.

Tentunya satu kebetulan yang tidak kita ingini.

Memanglah pada teorinya cadangan Chua dan Suqiu sangat menarik dan logik. Tetapi seperti yang disebutkan, ia amat sukar untuk dilakukan. Ini kerana dari fakta sejarah, bidang perniagaan bukanlah satu tradisi bagi orang Melayu walaupun dalam Islam ada menyebut 90 peratus rezeki datangnya dari bidang itu.

Perniagaan, sama ada borong atau runcit, sudah sebati dengan orang Cina. Perkara ini berakar umbi di kalangan masyarakat Cina sejak zaman-berzaman dan mereka cukup mahir dengan selok-belok dalam bidang perniagaan.

Apabila tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969 ekoran tekanan perbezaan taraf hidup antara Melayu dengan Cina di Malaysia, maka kerajaan terpaksa mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang memberi penekanan kepada ekonomi orang Melayu dan Bumiputera lain.

DEB dan hak keistimewaan Melayu yang dilancarkan pada 1970 diterima oleh semua pihak, termasuk parti komponen Barisan Nasional. Walaupun sasarannya ialah 30 peratus untuk orang Melayu menguasai ke ekonomi negara menjelang 1990, cuma 19 peratus saja yang dimiliki.

Namun, orang Melayu dikira sudah sedikit selesa dan rasa iri hati terhadap kekayaan orang Cina jauh berkurangan.

Dalam sejarah perjalanan DEB dan hak keistimewaan ini, kerajaan atau Umno yang menjadi tulang belakang pemerintah, tidak pernah menyalahgunakan

kuasa seperti merampas hak orang Cina untuk diberikan kepada Melayu secara percuma.

Apa yang dilakukan kepemimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn dan sekarang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanyalah mencipta peluang baru dan diberikan kepada orang Melayu dan Bumiputera lain.

Saya mencadangkan kepada Chua dan Suqiu, lapangkan dada anda semua, bersihkan hati dan lihatlah di sekeliling anda. Milik siapakah bangunan pencakar langit, hotel-hotel bertaraf empat dan lima bintang, gedung beli-belah yang tersergam hebat? Tidak ada satu pun yang dimiliki orang Melayu.

Cuba berjalan-jalan pula di sekitar Bukit Bintang, tuan-tuan tidak akan menemui peniaga Melayu di situ. Begitu juga di sekitar Chow Kit. Walaupun kawasan ini lebih 'mesra' dengan orang Melayu, namun ia tetap dikuasai oleh peniaga Cina kecil dan besar.

Berapa kerat Melayu yang mampu menongkah arus untuk bersaing dengan kaum lain dalam perniagaan di kompleks beli-belah, di KLCC umpamanya. Semuanya boleh dibilang dengan jari. Kalau ada pun, ia adalah mereka yang berniaga di bangunan Mara di pinggir bandar yang dibina kerajaan negeri ataupun Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Orang Melayu tak pernah marah walaupun mereka tetap berasa jauh hati.

Inilah yang dilakukan oleh kerajaan dan Umno yang tidak pernah menghalang orang Cina memiliki ini semua. Jadi, apa lagi yang mereka mahu. Jangan jadi macam Belanda diberi tanah.

Satu lagi contoh klasik ialah kalau orang Melayu mendapat kontrak memajukan satu projek perumahan, yang kenyang tetap orang Cina. Ini kerana tidak ada orang Melayu menguasai bidang borong dan peruncitan yang berkaitan dengan bahan binaan seperti simen, pasir, kayu dan sebagainya.

Pendek kata kontraktor Melayu hirup kuah, sub-kontraktor Cina makan isi kerana merekalah secara praktikal yang sebenarnya mendapat projek berkenaan.

Ini belum lagi disebut projek mega lain seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lebuh raya Utara-Selatan, Putrajaya dan banyak lagi.

Orang Melayu tidak minta banyak di bumi mereka sendiri. Mereka hanya mahu sedikit ruang selesa untuk terus bernafas, itu saja.

Selain Chua dan Suqiu, saya juga berasa kecewa dengan tindakan pemimpin pembangkang berteraskan Melayu seperti Parti Rakyat Malaysia (PRM), Parti Keadilan dan Pas yang bersekongkol dengan Suqiu hanya kerana ingin mendapat sedikit habuan politik menjelang pilihan raya umum tahun lalu.

Tahun ini, ketika menyambut ulang tahun pertama Suqiu, Pas mengirimi wakilnya, Subky Latif, calon yang tidak pernah menang dalam pilihan raya, termasuk yang terbaru tewas kepada Dr Mahathir di Parlimen Kubang Pasu.

Kepada Chua dan Suqiu, saya berharap sangat bertindaklah dengan waras. Usah terlalu pentingkan diri. Hak tuan-tuan dan cucu cicit tidak akan terjejas di bumi Malaysia ini.

Kepada penyokong dan pemimpin Pas saya ingin ingatkan kalau saudara semua mahu menjadi jaguh pemburu, usahlah mencari jalan singkat dengan memasang jerat di halaman rumah. Kelak nanti anak cucu sendiri yang masuk perangkap. Ketika itu, seperti kata orang Utara, menangis tak berlagu.